

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS
PADA HARI AHAD, 12 MEI 2024, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

1. **DOA.**
2. **PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
3. **PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT -**
 - **Bilangan 1 hingga 22 Tahun 2024**

4. **SOALAN LISAN**

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 1 (A74)

Apakah hasil daripada lawatan kerja Menteri Besar Johor ke Negara China pada Bulan Mac yang lepas?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 2 (A110)

Apakah hasil persefahaman yang dicapai atau perkongsian idea pembangunan yang diperolehi dalam rombongan lawatan Kerajaan Johor ke Shenzhen baru-baru ini?

YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN 3 (A196)

Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) akan menjadi pemangkin kepada ekonomi. Apakah status pelaksanaan JS-SEZ pada masa sekarang?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 4 (A182)

Apakah perkembangan pelaksanaan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) iaitu butiran projek ini seperti cadangan insentif atau pakej yang dapat menarik pelabur dari luar negara ke negeri Johor.

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 5 (A86)

Iskandar Puteri Special Economi Zone, Johor Singapore Special Economi Zone dan Special Financing Zone di Forest City, semua ini berada dalam kawasan DUN Kota Iskandar. Sejauh manakah agenda ini dapat memberikan jaminan manfaat sosioekonomi dan berdaya huni kepada penduduk setempat serta Johor umumnya? ADUN kawasan masih tidak diberikan butirannya.

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN 6 (A120)

Berkenaan Zon Ekonomi Khas Johor Singapura, mohon YAB Menteri Besar Johor membentangkan apakah yang akan dirasai oleh rakyat negeri Johor khususnya selain pelaburan dari luar yang masuk ke dalam negeri ini?

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 7 (A134)

Susulan Penubuhan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura, minta kerajaan negeri menjelaskan pelan kerajaan bagi menarik Pelaburan Langsung Asing ke dalam negeri Johor dan pelan kerajaan bagi memastikan manfaat Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura ini menerima kesan limpahan ke daerah lain di negeri Johor.

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 8 (A63)

Minta dinyatakan cabaran kepada kerajaan negeri bagi menjayakan Rancangan Zon Ekonomi Khas (JS-SEZ) serta langkah-langkah yang di ambil dalam mencapai matlamat tersebut.

YB TUAN HAJI HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 9 (A138)

Apakah strategi khusus kerajaan negeri untuk memperkukuhkan hubungan antara pelbagai komuniti etnik dan kebudayaan yang terdapat di negeri Johor?

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN 10 (A135)

Semasa ucapan YB Dato' EXCO dalam sesi penyerahan sijil menduduki PPR Sg Tiram, dinyatakan bahawa terdapat hampir 2,000 permohonan. Ini menunjukkan keperluan PPR sangat mendesak. Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk memohon lagi pembinaan PPR di Johor khususnya di DUN Tiram?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 11 (A109)

Apakah status perkembangan kajian LRT di Johor Bahru?

YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)
SOALAN 12 (A117)

Bagi mengatasi kesesakan jalan raya yang semakin meruncing, apakah keputusan kerajaan sama ada membina BRT atau LRT?

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 13 (A132)

Mohon kerajaan negeri menjelaskan status permohonan Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura dan Transit Aliran Ringan (LRT) di Johor Bahru.

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 14 (A40)

Adakah kerajaan bersedia untuk menaikkan jumlah penyaluran peruntukan tahunan kepada PAWE kerana dilihat kini PAWE sangat aktif dalam memberikan kesihatan yang produktif kepada warga emas di Johor ini. Ia dilihat memberikan keseimbangan daripada segi rohani dan jasmani warga emas.

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 15 (A153)

Apakah usaha pihak kerajaan negeri untuk mengawal harga barangan makanan?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN 16 (A204)

Adakah program tertentu yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Johor untuk memperkukuhkan peranan belia dalam pembangunan ekonomi tempatan, terutamanya dalam sektor pertanian atau industri kreatif?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN 17 (A207)

Adakah program khas yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Johor untuk membantu golongan kurang berkemampuan atau golongan miskin dalam menjalankan perniagaan kecil-kecilan atau usaha mikro?

YB TUAN HAJI ABD. MUTALIP BIN ABD. RAHIM (LAYANG-LAYANG)
SOALAN 18 (A27)

Berkaitan dengan Tabung Pembangunan Masjid, berapakah kutipan sehingga kini? Sejak awal diwujudkan dan berapakah masjid yang mendapat manfaat dari tabung tersebut?

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 19 (A88)

Dengan kepesatan dunia tanpa sempadan pada hari ini, apakah usaha kerajaan untuk memastikan jati diri dan nilai-nilai murni sahsiah pelajar-pelajar di negeri Johor sentiasa berada pada tahap terpuji.

YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)
SOALAN 20 (A108)

Dalam isu pinjaman perumahan selalunya akan timbul isu pemohon pinjaman bank yang telah disenarai hitam. Apakah inisiatif kerajaan negeri bagi membantu pemohon yang mengalami masalah ini.

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 21 (A159)

Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk menarik lebih ramai pelabur dari luar negara untuk melabur di Johor terutama di kawasan DUN Parit Yaani?

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)
SOALAN 22 (A187)

Johor Lama merupakan kawasan yang seringkali ditimpa bencana banjir. Adakah pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat telah merangka perancangan yang lebih rapi dalam memastikan kecukupan tenaga kerja dan bantuan bekalan makanan dapat disalurkan dengan segera dalam menghadapi bencana banjir?

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)
SOALAN 23 (A167)

Adakah terdapat sebarang perancangan bagi menaik taraf atau membina insituti kesihatan awam, menambah katil, fasiliti atau bangunan, menambah kakitangan dan tenaga doktor pakar di Hospital Segamat pada masa hadapan, atau mungkin membawa masuk Hospital Swasta seperti KPJ ke Daerah Segamat?

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 24 (A4)

Apakah kerajaan negeri mempunyai kajian berhubung jalan kampung di Sungai Dinar, Sungai Chengkeh, Chokoh dan Sungai Boh yang digunapakai

bersama oleh industri berat di Tanjung Bin dan ATB, berikutan banyak isu yang berbangkit mengenai kepesatan penggunaan industri dan masyarakat kampung.

YB TUAN HAJI ABD. MUTALIP BIN ABD. RAHIM (LAYANG-LAYANG)
SOALAN 25 (A25)

Isu yang berkaitan dengan pembatalan 16 enakmen di Mahkamah Persekutuan, mohon penjelasan tentang enakmen tersebut berkaitan dengan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor.

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 26 (A23)

Adakah kerajaan bercadang untuk memberikan polisi insurans percuma secara berkelompok kepada semua murid dan pelajar di sekolah rendah dan menengah dalam negeri Johor yang kini sering kali berhadapan dengan pelbagai risiko terutama kemalangan semasa pergi dan balik daripada sekolah?

YB DATO' HJH SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (MAHKOTA)
SOALAN 27 (A175)

Berapa banyakkah Lesen Perniagaan Sementara di bawah Majlis Perbandaran Kluang dan apakah syarat-syarat yang ditetapkan untuk permohonan.

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN 28 (A144)

Sila nyatakan prosedur operasi standard (SOP) pengurusan yang ditetapkan terhadap kerja-kerja yang melibatkan penutupan lorong jalan. Adakah mesyuarat penyelarasan salah satu prosedur perlu diadakan supaya semua agensi berkaitan dapat bekerjasama untuk mengurangkan kesulitan pengguna jalan raya?

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)
SOALAN 29 (A11)

Apakah status kerja menaik taraf Klinik Kesihatan Jementah?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)
SOALAN 30 (A201)

Apakah rancangan jangka masa pendek dan panjang kerajaan di dalam menambah baik sistem lalu lintas di Jalan Bukit Pasir agar ia dapat mengurangkan kesesakan jalan raya dan mempertingkatkan keselamatan pengguna?

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)
SOALAN 31 (A9)

Kenapakah peruntukan YPKDT hanya diagihkan terhad kepada warga muslim sejak tahun 2024 sedangkan visi YPKDT adalah membantu masyarakat di Johor hidup dalam keadaan sejahtera, beriltizam, harmoni dan cemerlang melalui institusi keluarga yang kukuh dan bertanggungjawab terhadap agama, bangsa dan negara.

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)
SOALAN 32 (A168)

Jalan utama ke Pekan Bekok dari Persimpangan Jalan Chaah ke Pekan Bekok kecil dan beralun serta amat merbahaya kepada pengguna jalan raya. Adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk melebarkan jalan tersebut untuk keselesaan pengguna jalan raya?

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 33 (A154)

Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan negeri untuk menggalakkan penglibatan golongan wanita dalam pasaran buruh di Johor?

YB DATO' HJH SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (MAHKOTA)
SOALAN 34 (A170)

Isu kesesakan jalan raya di sekitar laluan utama Bandar Kluang, apakah langkah penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang yang dirancangan oleh kerajaan negeri bagi mengatasi kesesakan yang semakin teruk ini?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 35 (A209)

Apakah hasil rancangan pembangunan 10 tahun Taman Botani Johor? Adakah rancangan terperinci kerajaan untuk pembangunan Taman Botani Johor?

YB TUAN HAJI HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 36 (A139)

Terdapat beberapa isu berbangkit berkenaan dengan status perbezaan fatwa di setiap negeri dalam Malaysia, bagaimanakah perkara ini dapat diselaraskan agar tidak menjadi kekeliruan buat masyarakat khususnya mereka yang beragama Islam?

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 37 (A216)

Bilakah kerajaan negeri akan melaksanakan projek Jalan Sambung VBC yang dicadangkan sejak 4 tahun yang lalu? Memandangkan agensi-agensi kerajaan tiada halangan, dan isu teknikal sebenarnya dapat diatasi.

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)
SOALAN 38 (A8)

Apakah status kerja naik taraf jalan pintas Tangkak - Segamat setakat bulan Mac 2024?

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 39 (A156)

Nyatakan jumlah kegunaan air dan elektrik setiap bulan di Daerah Johor Bahru dan Daerah Kulai dan nisbahnya berbanding dengan kegunaan air dan elektrik seluruh negeri.

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 40 (A84)

Pembinaan jambatan konkrit ganti jambatan besi di Jalan J4 Gelang Patah-Pendas perlahan. Kontraktor pelaksana silih berganti dan terkini bajet yang diluluskan mengikut reka bentuk tidak mencukupi dan perlu dinaikkan. Apakah tindakan kerajaan untuk menyempurnakan projek ini setelah lebih 10 tahun tergendala?

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN 41 (A55)

Mohon SAJ menyemak caj yang dikenakan oleh kontraktor pemasangan paip kerana caj yang dikenakan agak tinggi dan tidak selaras. Penyelarasan harga mungkin boleh ditetapkan terhadap kontraktor atau vendor agar tidak membebankan golongan B40 dan M40 terutama yang tinggal di kampung.

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN 42 (A142)

Mengapa permohonan meter air tidak dapat diluluskan sekiranya premis tersebut mempunyai tunggakan bil air? Adakah ini cara yang adil bagi pemohon baru dan juga pemilik premis yang terpaksa menanggung tunggakan dihutang oleh penyewa premis lama?

5. **PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG AMAT MULIA TUNKU MAHKOTA ISMAIL, PEMANGKU SULTAN JOHOR DIBAWA OLEH YANG BERHORMAT KUKUP DAN DISOKONG OLEH YANG BERHORMAT BENUT.**

----- (PERBAHASAN) -----

Persidangan ditangguhkan sehingga hari Isnin, 13 Mei 2024, jam 9.30 pagi.